



مجلس دائره لپس  
MAJLIS DAERAH LIPIS  
KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN  
27200 KUALA LIPIS  
PAHANG DARUL MAKMUR

Tel:09-3121253/3121433 Faks:09-3123953 e-mel:mdlipis@pahang.gov.my Facebook:@MDLipis

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (keutamaan akan diberikan kepada Rakyat Negeri Pahang) yang berkelayakan **serta aktif dalam bidang sukan**. Pemohon berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh iklan ditutup untuk mengisi kekosongan **jawatan kontrak (Contract Of Service)** di **Majlis Daerah Lipis**.

### JAWATAN PEMBANTU AWAM H11

Kumpulan : **Pelaksana**

Kekosongan : **01**

Jadual Gaji : **GREDD H11**

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,218.00	RM2,983.00	RM80.00
ELAUN	Imbuhan Tetap Khidmat Awam	RM95.00
	Imbuhan Tetap Perumahan	RM300.00
	Bantuan Sara Hidup	RM200.00

**SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### DAN

- (ii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam **subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## DISKRIPSI TUGAS

Menjalankan tugas-tugas am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.

## CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT

- a. Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang **MDL/JKP/JAWAT 01/02** yang boleh didapati di **KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN, MAJLIS DAERAH LIPIS**, Pahang Darul Makmur dan boleh muat turun borang ini di Laman Web Majlis Daerah Lipis iaitu **www.mdlipis.gov.my** atau **Facebook:@MDLipis**
- b. Semua permohonan hendaklah lengkap dengan maklumat seperti berikut:-
  - (i) Sekeping gambar terbaharu berukuran pasport iaitu 2.5 sm x 3.8 sm (*tidak dibenarkan gambar yang diimbis atau difotostat*);
  - (ii) Salinan kad pengenalan (*depan dan belakang*);
  - (iii) Salinan surat beranak;
  - (iv) Salinan kad pengenalan bapa/ibu;
  - (v) Salinan sijil-sijil persekolahan atau salinan keputusan peperiksaan yang telah diperolehi; dan
  - (vi) Sijil-sijil lain yang berkenaan.
- c. Setiap salinan dokumen di atas hendaklah **DIAKUI SAH**.
- d. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:-

YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH LIPIS,  
KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN,  
27200 KUALA LIPIS,  
PAHANG DARUL MAKMUR.  
(U/P: BAHAGIAN SUMBER MANUSIA)

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 19 MAC 2020 (KHAMIS)**

**NO. FAIL JAWATAN : MDL/JKP/872**

Semua permohonan (termasuk permohonan melalui pos) hendaklah diterima oleh Majlis Daerah Lipis selewat-lewatnya pada **19 MAC 2020 (5.00 PETANG)**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.


## CATATAN AM

- a. Permohonan akan **DITOLAK** jika borang permohonan:-
- (i) Tidak menggunakan borang MDL/JKP/JAWAT 01/02
  - (ii) Tiada salinan Sijil Kelahiran
  - (iii) Tiada salinan Kad Pengenalan pemohon/ibu/bapa
  - (iv) Tiada salinan kelulusan pelajaran/peperiksaan
  - (v) Borang permohonan pemohon yang tidak ditandatangani
  - (vi) Borang permohonan yang tidak lengkap diisi atau tidak jelas
  - (vii) Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan
  - (viii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan
  - (ix) Salinan sijil tidak diakui sah
  - (x) Gambar pasport tidak disertakan serta gambar difotostat atau diimbias
  - (xi) Tidak melengkapkan keterangan mengenai 2 orang saksi serta tiada tandatangan
  - (xii) Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup iklan
- b. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap permohonan tersebut tidak berjaya.
- c. Majlis Daerah Lipis tidak akan menanggung perbelanjaan bagi menghadiri temuduga kelak.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' MOHD HAFIZI BIN IBRAHIM, DIMP., SMP., AAP., AMP.)**  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Lipis

sm/iklan jawatan kosong